

Bakal libat pancaragam sekolah

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bakal melibatkan pasukan pancaragam sekolah-sekolah seluruh Kuala Lumpur dalam upacara mengibarkan Jalur Gemilang di Dataran Merdeka yang dilaksanakan setiap bulan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata, cadangan tersebut dilontarkan beliau bagi meningkatkan penglibatan pelajar sekolah serta memupuk semangat patriotisme.

"Sebenarnya upacara mengibarkan Jalur Gemilang ini dilaksanakan setiap bulan dan cadangan untuk melibatkan pelajar sekolah ini dibuat berikutan di Kuala Lumpur mempunyai pasukan pancaragam yang dianggotai pelajar sekolah.

"Penglibatan pelajar sekolah ini dapat meningkatkan semangat patriotik cintakan tanah air selain dapat menyerlahkan bakat serta potensi pasukan-pasukan pancaragam beraksi bersama pasukan pancaragam DBKL," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Upacara Mengibarkan Jalur Gemilang di

Dataran Merdeka pada Isnin.

Menurut Maimunah, upacara berkenaan bakal dimasukkan dalam kalendar pelancongan Kuala Lumpur berikutan ia merupakan satu upacara bulanan yang unik serta melibatkan pasukan berkuda.

"Kita akan jadualkan ia sebagai acara wajib minggu pertama setiap bulan sebagai inisiatif bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga kota.

"Selain itu, ia turut memberi peluang kepada para pelancong tempatan dan antarabangsa untuk menyaksikan sendiri keunikan serta nilai sejarah yang terdapat di Dataran Merdeka, sebuah lokasi nostalgik yang menjadi lambang kebanggaan negara," katanya.

Maimunah berkata, penganjuran acara ini juga bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan tanah air, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menghormati Jalur Gemilang, serta memperkukuhkan hubungan antara DBKL dan masyarakat dalam pembangunan sosioekonomi Kuala Lumpur. 



MAIMUNAH (tengah) pada Majlis Upacara Mengibarkan Jalur Gemilang.